



## **Kesedaran pendidikan dan minat kerja pelajar Orang Asli suku kaum Jakun di Rompin, Pahang**

Mohd Muizzuddin Mohd Nor, Mohamad Fauzi Sukimi, Mohd Nasaruddin Mohd Nor

Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial, Persekitaran dan Pembangunan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Mohd Muizzuddin Mohd Nor (email: mohdmuizzuddin91@gmail.com)

### **Abstrak**

Pendidikan merupakan kriteria penting yang harus dimiliki oleh setiap lapisan masyarakat, termasuklah generasi muda masyarakat Orang Asli pada hari ini. Kegagalan untuk memajukan diri dalam bidang pendidikan boleh menyebabkan kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik apabila kanak-kanak Orang Asli meningkat dewasa. Justeru, kajian ini mengupas tentang sikap pelajar Orang Asli terhadap peluang pendidikan dan minat kerja, selain mendapatkan pandangan ibu bapa atau penjaga pelajar terhadap penglibatan mereka dalam proses pendidikan dan pemilihan pekerjaan anak-anak. Data primer diperolehi melalui temubual mendalam dengan 12 orang informan yang terdiri daripada pelajar Orang Asli suku kaum Jakun di Rompin, Pahang serta ibu bapa atau penjaga mereka. Hasil kajian mendapati kesemua informan yang ditemui melibatkan pelajar dan ibu bapa atau penjaga mempunyai perubahan pandangan ke arah yang lebih positif. Mereka semakin mengutamakan pendidikan di sekolah serta pemilihan kerjaya yang lebih baik. Keadaan ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor antaranya ialah keluarga, jarak sekolah yang berhampiran, kemudahan pengangkutan, peranan guru, rakan sebaya dan faktor kemudahan pembelajaran di sekolah. Kajian ini berjaya mengikis pandangan negatif yang melihat mentaliti Orang Asli masih di takuk lama kerana tidak mengutamakan pendidikan serta kerjaya sebagai medium untuk memajukan diri dan keluarga. Malah, pelajar Orang Asli suku kaum Jakun di kawasan kajian juga dapat menyesuaikan diri dalam proses sosialisasi formal, iaitu, melalui proses pembelajaran di sekolah.

**Kata kunci:** kesedaran pendidikan, minat kerja, Orang Asli, penglibatan ibu bapa, sosialisasi formal, suku kaum Jakun

## **Awareness of education and work interests of Orang Asli Jakun students in Rompin, Pahang**

### **Abstract**

Education is an important criterion that every society should acquire, including today's young generation of Orang Asli community. Failure to develop themselves in

education could lead to difficulties in obtaining a better job in the future when the Orang Asli children grows up. Thus, this research examines the attitude of Orang Asli Jakun students towards education opportunities and working interests, as well as obtaining the perspectives of guardians about their involvement in the learning process and career options. Primary data was collected through in-depth interview with 12 informants represented by students, parents and guardians from the Orang Asli Jakun in Rompin, Pahang. The findings showed that all informants, are well aware of the educational aspects and career options for the future. This situation is associated with various factors including family, distance of the school, transport facilities, teacher roles, peers and good learning facilities in the school. This study successfully dispels a negative view which assumes the Orang Asli Jakun mentality is still lagging behind because they do not prioritise education and career as a medium to advance their family and themselves. In fact, Orang Asli Jakun students have managed to adapt themselves to the process of formal socialisation, through the learning process at school.

**Keywords:** awareness of education, work interests, Orang Asli, parents involvement, formal socialisation, Jakun ethnic group

## Pengenalan

Pendidikan dan kerjaya merupakan dua perkara yang berkait rapat dengan taraf atau kualiti hidup sesebuah masyarakat (Doris et al., 2012). Ia sering menjadi ukuran untuk menilai tahap kemajuan dalam sesebuah masyarakat. Pihak kerajaan juga meletakkan kualiti pendidikan yang diberi sebagai penanda aras kepada kemajuan dalam membangunkan negara, selain melahirkan masyarakat yang berdaya saing, berpandangan jauh, saintifik serta progresif. Menurut Ma'rof et al. (2008), keperluan kepada pendidikan sama ada berbentuk formal atau tidak formal merupakan tonggak kepada kehidupan setiap golongan masyarakat pada masa ini. Melalui pendidikan, ianya boleh membawa manusia mencapai tamadun hidup yang lebih tinggi dan menikmati proses kehidupan yang lebih bersistematik (Norazri, 2015). Hal ini bermakna, semua individu termasuk masyarakat dan pelajar Orang Asli di negara ini berhak menerima pendidikan yang berkualiti serta berjaya seperti orang lain kerana setiap individu mempunyai potensi untuk berjaya.

Di Malaysia, terdapat tiga kumpulan terbesar bangsa Orang Asli, iaitu, Negrito, Senoi dan Melayu-Proto. Orang Asli suku kaum Jakun berasal daripada bangsa Melayu-Proto atau lebih dikenali sebagai suku kaum Melayu Asli, yang kebanyakannya tinggal di sekitar kawasan selatan Semenanjung Malaysia (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2016). Menurut Siti Fatiemah dan Jama'yah (2013), Orang Asli suku kaum Jakun ini masih mengamalkan kepercayaan animisme sehingga kini. Masyarakat ini mempunyai budaya yang tersendiri, yang boleh melambangkan identiti dan jati diri mereka. Berdasarkan keterangan sejarah, Orang Asli diiktiraf sebagai komuniti yang terawal berada di negara ini. Walaupun mereka menjadi komuniti yang terawal berada di negara ini, tetapi tahap pencapaian mereka dalam aspek pendidikan dan pekerjaan amat mengecewakan berbanding kaum-kaum lain yang terdapat di Malaysia. Menurut Mohd Fauzi dan Nor Aini (2009), masyarakat Orang Asli masih terpinggir dari segi pendidikan walaupun anak-anak mereka menunjukkan minat untuk belajar. Kenyataan ini adalah selari dengan pandangan Abdul Razaq dan Zalizan (2009), yang mendapati masyarakat Orang Asli ini masih belum mencapai

tahap yang boleh membanggakan. Malah maruah dan harga diri kumpulan ini masih tidak dapat dipertingkatkan lagi dengan berkesan sehingga ke hari ini. Hal ini kerana mentaliti mereka masih lagi berada di takuk yang lama dan tidak mengutamakan aspek pendidikan serta kerjaya sebagai medium utama dalam memajukan diri dan keluarga.

Secara umumnya, kajian lepas menyatakan bahawa masyarakat Orang Asli kurang memberi penekanan terhadap pendidikan anak-anak kerana menganggap sekolah adalah tempat untuk bermain dan juga makan. Tetapi apabila mereka melihat masyarakat luar menunjukkan minat terhadap pendidikan anak-anak mereka, maka mereka mula menjadi lebih sedar tentang perlunya pendidikan (Mohamad Johdi et al., 2009). Tidak dinafikan bahawa terdapat di antara masyarakat Orang Asli yang sudah berjaya dan menjawat jawatan yang bagus dalam sektor kerajaan (Er et al., 2010). Namun begitu, secara realitinya anak-anak Orang Asli ini masih ramai yang ketinggalan dalam arus pendidikan negara.

Penguasaan pendidikan dan peluang pendidikan dalam kalangan anak-anak Orang Asli adalah faktor penting untuk meningkatkan keupayaan diri dan taraf hidup yang lebih baik. Manakala pekerjaan yang memberikan pendapatan yang melebihi keperluan memberi ruang kepada mereka untuk menabung bagi persediaan hari tua atau ketika menghadapi musibah yang berlaku di luar jangkaan. Pendapatan yang lebih juga dilihat membantu masyarakat Orang Asli untuk lebih berdaya maju (Abdul Talib et al., 2003). Justeru, pendidikan tidak dapat dipisahkan dengan kerjaya atau memiliki pekerjaan yang baik. Melalui pendidikan akan melahirkan masyarakat yang berilmu serta dapat digunakan ketika di alam pekerjaan. Bagi mencapai hasrat tersebut, kesedaran terhadap pendidikan dalam kalangan pelajar dan ibu bapa atau penjaga Orang Asli terutamanya adalah amat perlu bagi menjana diri mereka ke arah yang lebih baik dalam kehidupan.

Pilihan kerja adalah pilihan gaya hidup yang mempengaruhi kesejahteraan diri. Maka langkah membuat pilihan kerja adalah suatu perancangan yang sangat penting dalam kehidupan seseorang. Menilai peluang pekerjaan tanpa melihat peluang pendidikan tidak memberi banyak makna sekiranya kita ingin mengukur sejauhmana peluang yang ada (Amla, 2010). Menurut Norwaliza et al. (2016), pelbagai usaha telah dilakukan, khususnya oleh pihak kerajaan agar masyarakat Orang Asli dapat dimasukkan dalam arus perdana pendidikan. Namun usaha mendidik pelajar Orang Asli perlu diberi penekanan sejak mereka kanak-kanak lagi supaya mereka lebih terdedah kepada proses pengajaran dan pembelajaran. Perkara ini jelas sebagaimana yang disarankan oleh UNESCO dalam program *UNESCO's Division of Basic Education Early Childhood* yang telah memperkenalkan pendidikan awal untuk kanak-kanak Orang Asli tanpa menghilangkan identiti mereka.

Ketika kaum lain sudah bergerak maju ke hadapan dan meneroka bidang-bidang lain dalam pendidikan, masyarakat Orang Asli masih lagi terbeban dengan masalah seperti keciciran dalam pelajaran. Menurut Doris et al. (2012) dan Mazdi et al. (2014), masyarakat Orang Asli yang kebanyakannya tinggal di kawasan pedalaman lebih cenderung mempunyai kadar keciciran yang tinggi dalam setiap peringkat pendidikan, bermula daripada prasekolah hingga ke institusi pengajian tinggi. Bagi Wan Afizi dan rakan-rakan (2014), fenomena keciciran ini menyebabkan mereka terus berada dan tinggal di kawasan pedalaman kerana ketinggalan dari segi ekonomi, politik maupun sosial. Beberapa kajian yang dilakukan oleh para sarjana yang berfokus kepada masyarakat ini mendapatkan pelbagai faktor yang menyumbang kepada permasalahan tersebut. Antaranya ialah kegagalan masyarakat Orang Asli untuk beradaptasi dengan kaum yang lain, kurikulum sekolah yang diajar tidak sesuai

dengan budaya masyarakat mereka, serta sikap ibu bapa mereka sendiri (Juli, 2006). Kanak-kanak yang sudah terbiasa dengan proses sosialisasi secara tradisional akan menyebabkan mereka sukar untuk menyesuaikan diri dengan sistem persekolahan.

Manakala dari perspektif geografi pula, lokasi petempatan Orang Asli yang berselerak dan kebanyakannya jauh di pedalaman menyebabkan darjah aksesibiliti mereka kepada kemudahan pendidikan agak rendah (Mazdi et al., 2014). Hal ini seterusnya menjadi salah satu faktor yang mempengaruhi keciciran pelajar Orang Asli daripada sistem pendidikan negara. Mengikut Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), 31.7 peratus perkampungan Orang Asli terletak di pedalaman, 61.45 peratus di pinggir bandar dan 1.38 peratus lagi di kawasan bandar. Menurut Ramle (2010), segelintir masyarakat Orang Asli mempunyai sikap atau pandangan yang negatif terhadap pendidikan. Bagi mereka pendidikan adalah tidak penting dan hanya lebih menekankan cara hidup yang mudah, iaitu, sekadar untuk meneruskan kelangsungan hidup tanpa memikirkan perancangan pada masa hadapan. Anak-anak pula dianggap sebahagian daripada aset yang boleh membantu mereka dalam melaksanakan aktiviti sehari-hari termasuklah aktiviti ekonomi. Keadaan ini sama seperti masyarakat Orang Asli di luar negara, iaitu, mereka tidak mementingkan pendidikan anak-anak kerana dipengaruhi faktor sosioekonomi keluarga dan pencapaian pendidikan ibu bapa yang rendah (Gordon & White, 2014). Ini menyebabkan generasi muda Orang Asli gagal memajukan diri dalam bidang pendidikan yang seterusnya menyebabkan mereka sukar untuk berubah, berdaya maju dan gagal memperoleh pekerjaan yang baik.

Justeru, penulisan artikel ini adalah mengenai perspektif pelajar Orang Asli dari suku kaum Jakun tentang sikap mereka terhadap peluang pendidikan dan minat kerja pada masa hadapan, yang mana ianya boleh dikaitkan dengan mobiliti sosial untuk melihat peningkatan status dalam masyarakat. Selain itu, penulis juga cuba mendapatkan gambaran tentang peranan ibu bapa atau penjaga pelajar terhadap proses pendidikan serta penglibatan mereka dalam pemilihan kerjaya anak-anak. Jika ibu bapa mempunyai tahap kesedaran yang tinggi terhadap pelajaran, secara langsung akan dapat membantu anak-anak mereka dalam pemilihan kerjaya pada masa akan datang. Keadaan ini boleh menjelaskan pendirian generasi masyarakat Orang Asli, sama ada mereka seperti yang digambarkan dalam kajian-kajian lepas, iaitu, terus-menerus ketinggalan dalam aspek pendidikan dan pekerjaan ataupun mereka sudah mula melakukan perubahan agar kehidupan mereka lebih baik pada masa akan datang. Jadi, besarlah harapan penulis agar makalah ini mampu menjelaskan isu pendidikan dan pemilihan kerjaya dalam kalangan Orang Asli secara lebih adil dan holistik.

## Metod kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan dalam artikel ini ialah berdasarkan penyelidikan kualitatif. Creswell (2008) berpendapat bahawa kaedah kualitatif dapat membantu penulis dalam menjelaskan, memahami, meneroka dan membuat pendedahan tentang fenomena yang dikaji. Lebih lanjut, penyelidikan kualitatif yang digunakan adalah pendekatan kajian kes yang bertujuan untuk mengumpul maklumat dan menerangkan apa yang sedang berlaku. Pengkaji turut berusaha mendekati seberapa banyak data dan peristiwa, dan pengalaman tersebut digambarkan melalui sudut pandangan informan kajian. Kajian ini melibatkan temu bual secara mendalam bersama informan utama yang dipilih. Seramai 12 orang informan terlibat dalam kajian ini, yang terdiri daripada pelajar-pelajar Orang Asli dari suku kaum Jakun serta ibu bapa atau penjaga

mereka di sebuah perkampungan Orang Asli di daerah Rompin, Pahang. Temu bual ini dilakukan pada tahun 2017 dengan sekurang-kurangnya dua kali pertemuan bagi setiap orang informan. Pemilihan sampel adalah berdasarkan kepada persampelan bertujuan (*purposive sampling*), iaitu, pengkaji menentukan beberapa kriteria yang tertentu seperti memenuhi ciri-ciri sebagai pelajar Orang Asli suku kaum Jakun yang mengikuti pengajian di peringkat sekolah menengah serta mengekalkan adat resam dan budaya mereka sendiri. Seterusnya data yang diperolehi daripada hasil temu bual tersebut akan dicatatkan sebagai nota lapangan dan kemudiannya disalin sebelum kajian dapat dibuat rumusan secara keseluruhan. Proses penyalinan atau transkripsi ke dalam bentuk penulisan ini penting untuk memudahkan pemahaman pembaca pada peringkat analisis data.

## Kawasan kajian

Kajian ini dijalankan di petempatan Orang Asli dari suku kaum Jakun dalam daerah Rompin, Pahang. Mengikut Pejabat Daerah dan Tanah Rompin pada tahun 2017, mendapati bahawa terdapat sebanyak 41 buah perkampungan Orang Asli dalam daerah ini yang meliputi seramai 13,900 orang jumlah penduduk. Lebih terperinci, petempatan Orang Asli yang dipilih oleh pengkaji adalah Kampung Orang Asli Batu 8, yang berada dalam Mukim Pontian, Rompin. Justifikasi pemilihan kawasan tersebut kerana mempunyai tahap aksesibiliti yang baik untuk pengkaji sampai ke kawasan kajian, selain daripada pertimbangan masa dan kekangan kewangan. Perkampungan Orang Asli ini mempunyai jarak yang berhampiran dengan bandar Rompin, iaitu, kira-kira 10 kilometer dan terletak bersempadan pula dengan daerah Mersing, Johor, dengan jarak sekitar 13 kilometer dari Pekan Endau.

Masyarakat Orang Asli di petempatan ini masih mengamalkan adat dan budaya yang berteraskan kepercayaan animisme, namun terdapat juga sebilangan kecil yang memeluk agama lain seperti Islam, Kristian dan Buddha. Oleh kerana mereka juga tinggal berhampiran dengan masyarakat Melayu, Cina dan India, proses asimilasi telah berlaku. Seperti masyarakat Malaysia yang lain, kaum ini semakin terdedah dengan dunia luar. Akibatnya mereka dilihat mengamalkan budaya besar yang terdapat di Malaysia, seperti merayakan semua perayaan agama yang ada di negara ini, mengamalkan adat perkahwinan yang hampir sama dengan budaya Melayu serta ziarah menziarahi jiran atau sahabat handai ketika musim perayaan (Siti Fatiemah & Jama'yah, 2013).

Kebanyakan penduduk Orang Asli dari suku kaum Jakun di kawasan petempatan ini bolehlah dikatakan mempunyai taraf hidup yang lebih baik berbanding komuniti Orang Asli di kawasan pedalaman. Kawasan kediaman mereka sedang pesat membangun dengan pelbagai rancangan pembangunan seperti pembukaan ladang kelapa sawit dan kawasan pelancongan alam semula jadi telah mengubah suasana persekitaran fizikal perkampungan mereka. Sekiranya pada zaman tradisional mereka membekal produk hutan kepada pedagang luar, hari ini mereka bekerja sebagai buruh ladang dan industri (Hanapi, 2008). Berbeza di kampung Orang Asli yang lain, masyarakat Orang Asli di kawasan ini telah menunjukkan peningkatan dari segi taraf hidup, sama ada dalam aspek pekerjaan atau rumah kediaman yang lebih besar dan selesa. Selain itu, perkampungan ini juga dilihat mempunyai fasiliti dan kelengkapan, institusi pendidikan seperti sekolah dan tadika, serta kemudahan-kemudahan yang lain.

## Hasil kajian

Perbincangan hasil dapatan kajian ini dapat dibahagikan kepada beberapa aspek, antaranya ialah profil informan dan keluarga, sikap dan persepsi pelajar terhadap pendidikan, minat kerja pelajar, serta penglibatan ibu bapa atau penjaga dalam pendidikan dan penentuan kerjaya anak-anak.

### *Profil informan dan keluarga*

Informan pelajar yang ditemui merupakan pelajar sekolah menengah yang berumur di antara 13 hingga 17 tahun. Dua orang informan terdiri daripada golongan lelaki dan selebihnya adalah perempuan. Berdasarkan kepada latar belakang pendidikan, semua informan pernah menduduki peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) ketika berada di sekolah rendah (Jadual 1). Majoriti informan yang ditemui juga masih tinggal bersama ibu bapa, kecuali seorang sahaja yang tinggal bersama datuk dan nenek. Dari segi latar belakang keluarga, kebanyakan informan mempunyai adik-beradik yang masih bersekolah. Namun, terdapat juga dalam kalangan adik-beradik mereka yang tidak berjaya menamatkan pelajaran sehingga ke peringkat sekolah menengah atas faktor ingin bekerja bagi membantu keluarga. Melalui dapatan kajian, didapati bahawa terdapat dalam kalangan adik-beradik informan yang menjawat jawatan dalam sektor kerajaan seperti bekerja sebagai anggota polis.

**Jadual 1.** Profil informan pelajar

Informan	Umur	Minat terhadap pendidikan	Minat terhadap kerjaya
1	17	Ijazah	Arkitek
2	17	Ijazah	Ahli Perniagaan
3	16	Sijil Kemahiran	Jurusolek
4	16	Ijazah	Guru
5	14	Ijazah	Guru
6	13	Ijazah	Guru

Bagi latar belakang pendidikan informan ibu bapa dan penjaga pula, majoriti daripada mereka tidak mempunyai tahap pendidikan yang tinggi tetapi pernah mendapatkan pendidikan secara formal di sekolah. Namun begitu, terdapat tiga orang informan dalam kalangan ibu bapa dan penjaga yang tidak pernah langsung bersekolah, sama ada di peringkat sekolah rendah dan menengah (Jadual 2). Hal ini seterusnya menyebabkan mereka tidak mampu untuk menguasai kemahiran 3M, seperti membaca, menulis dan juga mengira. Dari aspek sosioekonomi keluarga, kebanyakan ibu bapa dan penjaga informan tidak bekerja dalam bidang profesional, sebaliknya bekerja sebagai pemandu, buruh binaan dan petani. Keadaan ini berbeza dengan masyarakat Orang Asli yang tinggal di kawasan pedalaman yang hanya menjalankan kegiatan ekonomi secara tradisional seperti memburu dan memungut hasil hutan (Hartini, 2011; Siti Aminah, 2015). Pendapatan yang diterima oleh ibu bapa dan penjaga informan adalah dalam lingkungan RM800 hingga RM2500 sebulan. Namun, terdapat juga ibu bapa informan mempunyai pendapatan yang mencecah hampir RM12,000 sebulan kerana bekerja di luar negara yang mana nilai mata wang berbeza berbanding nilai mata wang di negara ini. Kebanyakan mata pencarian setiap keluarga hanya bergantung dan tertumpu kepada pendapatan bapa sahaja kerana golongan ibu hanya menjadi suri rumah sepenuh masa.

**Jadual 2.** Profil informan ibu bapa atau penjaga

Informan	Taraf pendidikan ibu/bapa	Pekerjaan ibu/bapa	Pendapatan bulanan ibu/bapa (RM)
7	Menengah / Rendah	Pemandu / Suri rumah	RM1500.00
8	Rendah / Tidak bersekolah	Pemandu / Suri rumah	RM2500.00
9	Rendah / Rendah	Buruh binaan / petani	RM12,000.00
10	Tidak bersekolah / Tidak bersekolah	Petani / Suri rumah	RM1200.00
11	Tidak bersekolah / Tidak bersekolah	Buruh / Suri rumah	RM800.00
12	Tidak bersekolah / Tidak bersekolah	Petani / Suri rumah	RM1500.00

*Sikap dan persepsi pelajar terhadap pendidikan*

Hasil kajian menunjukkan keseluruhan enam orang informan pelajar Orang Asli menyatakan minat mereka dalam menuntut ilmu di sekolah. Mereka berpendapat bahawa pendidikan masa kini adalah amat penting dalam menentukan masa hadapan. Pendidikan bukan sahaja boleh menyediakan mereka dengan kebolehan menulis, membaca dan mengira, malah dapat mendedahkan kepada mereka tentang pengetahuan dan nilai-nilai baru yang boleh dimanfaatkan untuk tujuan memajukan diri dalam masyarakat. Ini dinyatakan oleh:

Informan 1:

“...Bagi saya pendidikan penting, sebab boleh ubah masa depan saya dan keluarga. Kalau tiada pendidikan, mungkin saya tak pandai membaca dan menulis”.

Informan 3:

“...Kalau tak belajar, macam mana nak kenal huruf. Nanti kalau tak pandai, kena ejek dengan kawan-kawan”.

Hal ini menunjukkan bahawa pelajar Orang Asli di kawasan kajian menganggap elemen pendidikan sebagai sesuatu yang amat penting dalam kehidupan mereka. Kenyataan ini juga adalah selari dengan kajian Wan Afizi et al. pada tahun 2014, iaitu, pelajar Orang Asli telah mulai sedar bahawa melalui pendidikan mereka bukan sahaja mampu membawa kepada perubahan dan kemajuan diri sendiri, malah dapat membantu mengubah nasib keluarga dan masyarakat Orang Asli secara keseluruhannya.

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh juga menunjukkan hampir kesemua informan pelajar menyatakan minat mereka untuk menyambung pelajaran sehingga ke peringkat yang lebih tinggi, iaitu, seperti di kolej-kolej ataupun universiti dengan mengambil jurusan yang diminati. Namun, mereka berpendapat bahawa perlunya memberi tumpuan terhadap pembelajaran di sekolah terlebih dahulu dengan mendapatkan keputusan yang baik agar diterima masuk ke institusi pengajian tinggi atau menara gading. Manakala, terdapat seorang informan pelajar menyatakan masih belum merancang hala tujuanya dalam pelajaran kerana beranggapan masih terlalu awal untuk memikirkan masa hadapan. Walau bagaimanapun, beliau tidak menolak sebarang kemungkinan sekiranya berpeluang melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat yang lebih tinggi.

Salah satu faktor yang menyebabkan informan pelajar Orang Asli di kawasan kajian mempunyai sikap yang positif terhadap pelajaran adalah kerana mendapat dorongan dan nasihat daripada keluarga. Ini dinyatakan oleh:

Informan 4:

“...Mak ayah selalu suruh saya belajar rajin-rajin supaya apa yang saya nak akan tercapai. Mak selalu pesan jangan jadi macam mereka, hidup dah la susah. Jadi saya kena rajin pergi sekolah, bila dah kerja nanti boleh ubah hidup keluarga”.

Pernyataan ini menggambarkan bahawa ibu bapa menjadi '*role model*' kepada anak-anak kerana sentiasa memberi nasihat tentang betapa pentingnya melanjutkan pelajaran. Peranan daripada ibu bapa ini adalah sangat membantu dan banyak mempengaruhi perkembangan anak-anak. Anak-anak adalah ibarat kain putih, maka ibu bapalah yang akan mencorakkannya. Jika pendidikan awal diterima di rumah, ditambah dengan sokongan dan dorongan daripada keluarga, maka ianya boleh menjadi asas kepada kejayaan pelajar di sekolah dan peringkat seterusnya. Manakala kurangnya pendedahan dan bimbingan daripada keluarga akan menyumbang kepada kegagalan pelajar-pelajar dalam melanjutkan pelajaran.

Pengkaji mendapati faktor jarak sekolah menengah yang berhampiran dengan kawasan perkampungan Orang Asli ini juga boleh menyumbang kepada minat mereka terhadap pendidikan formal di sekolah. Jarak tersebut dianggarkan hanya kira-kira 800 meter. Kebanyakan informan pelajar menekankan bahawa kedudukan antara sekolah dan rumah yang berhampiran telah mendorong mereka untuk datang ke sekolah dan menimba ilmu seperti yang dinyatakan oleh:

Informan 2:

“...Sekolah tak jauh dari kampung. Senang nak pergi dan balik sekolah sebab dekat”.

Namun pengkaji juga difahamkan pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Daerah Rompin turut menyediakan pengangkutan bas secara percuma untuk kemudahan pelajar Orang Asli ke sekolah. Ini dinyatakan oleh:

Informan 5:

“...Saya selalu naik bas sekolah. Bas sekolah disediakan oleh pihak JAKOA secara percuma. Jadi kami tak payah bayar”.

Di sini, dapat dikatakan bahawa faktor lokasi sekolah dan kemudahan pengangkutan tidak memberi masalah besar kepada pelajar Orang Asli untuk ke sekolah. Menurut Mazdi et al. (2014), faktor aksesibiliti seperti jarak ke sekolah dan mod pengangkutan boleh mengurangkan masalah keciciran pendidikan tetapi perlu dipertingkatkan supaya pelajar Orang Asli memperoleh pendidikan yang sempurna. Manakala kajian oleh Siti Syazwani et al. (2012) serta Mohd Fauzi dan Nor Aini (2009) mendapati kedudukan lokasi rumah dengan sekolah yang jauh, sedikit sebanyak boleh mengganggu keinginan murid untuk belajar.

Selain itu, peranan guru yang membentuk sikap dan persepsi pelajar Orang Asli terhadap pelajaran juga mempengaruhi minat para pelajar untuk menimba ilmu secara formal di sekolah. Menurut informan, kebanyakan guru-guru di sekolah menunjukkan sikap yang baik tetapi tegas, dan tidak pula mengamalkan sikap pilih kasih atau

membeza-bezakan antara mereka dengan pelajar-pelajar kaum lain. Contoh pernyataan:

Informan 3:

“...Layanan guru semua sama tak kira Melayu atau Orang Asli”.

Informan 4:

“...Semua cikgu ok. Tapi kami pernah juga kena marah dengan cikgu sebab tak siapkan kerja sekolah. Pernah kena denda berjalan itik depan kawan-kawan. Berdiri atas kerusi pun pernah”.

Walau bagaimanapun, mereka menganggap itu adalah lumrah dan ini sebenarnya lebih kepada untuk mendidik mereka supaya berdisiplin dan berjaya dalam pelajaran. Menurut Airil Haimi dan Muhammad Aizat (2010), keadaan ini memperlihatkan bahawa guru-guru dapat memudahkan sesi pembelajaran bersama pelajar Orang Asli.

Manakala faktor rakan sebaya serta terdapatnya pelbagai kemudahan di sekolah juga turut menyebabkan pelajar Orang Asli dari suku kaum Jakun ini mempunyai minat terhadap pendidikan. Mereka berpendapat bahawa dengan adanya kawan-kawan, ia sedikit sebanyak dapat memberi kesan yang positif terhadap proses pembelajaran kerana mereka boleh berinteraksi dan saling berbincang jika ada sesuatu topik yang kurang jelas dan tidak faham, sama ada semasa dan selepas proses pembelajaran itu berlaku. Ini dinyatakan oleh:

Informan 1

“...Saya seronok datang ke sekolah sebab ramai kawan-kawan.”

Informan 6:

“...Saya tak memilih kawan. Melayu, Cina semuanya saya berkawan. Ramai kawan ni seronok sebab dapat bertukar-tukar pendapat dan boleh tanya kalau tak faham dalam pelajaran”.

Di samping itu, majoriti informan pelajar bersetuju bahawa program-program yang berbentuk motivasi yang diadakan boleh membantu mereka untuk meningkatkan keyakinan dan semangat dalam menimba ilmu, selain yakin dengan kemampuan diri sendiri. Ini dinyatakan oleh:

Informan 1:

“...Saya pernah mengikuti program motivasi di sekolah. Program sebegini amat bagus, sebab dapat menaikkan semangat kami untuk berusaha dan belajar dengan lebih gigih supaya berjaya dalam pelajaran nanti”.

Pandangan ini juga adalah selari dengan kajian Wan Afizi et al. (2014), melalui program motivasi yang kerap diadakan boleh merangsang dan menarik minat para pelajar Orang Asli untuk hadir ke sekolah dan secara tidak langsungnya dapat membantu meningkatkan prestasi pembelajaran mereka. Menurut Mazdi et al. (2014), usaha keras daripada pihak sekolah perlu untuk memberi kesedaran dan motivasi dalam usaha untuk mengubah sikap dan minda masyarakat Orang Asli terhadap kepentingan pendidikan.

### *Minat kerja pelajar*

Hasil kajian mendapati bahawa kesemua informan pelajar yang ditemui mempunyai impian dan cita-cita mereka sendiri dalam dunia pekerjaan. Tiga orang informan mempunyai minat yang sama, iaitu, mereka ingin bergelar sebagai seorang guru. Mereka merasakan bahawa kerjaya sebagai guru amat dihormati dan disanjung tinggi bukan sahaja oleh para pelajar, bahkan juga masyarakat sekeliling. Selain itu, sikap mahu berbakti kepada masyarakat terutamanya kepada pelajar Orang Asli supaya lebih mementingkan ilmu dan pendidikan mendorong mereka memilih pekerjaan sebagai seorang pendidik. Mereka turut menganggap pekerjaan ini boleh menjamin masa hadapan yang lebih baik selain dapat mengubah nasib diri dan keluarga. Ini dinyatakan oleh:

Informan 5,

“...Saya berminat nak jadi cikgu sebab nak mengajar orang lain. Nak kongsi ilmu yang saya ada dengan orang lain. Kalau boleh saya nak semua orang pandai. Kalau saya boleh, orang lain juga boleh terutamanya Orang Asli macam saya”.

Baki informan selebihnya memilih pekerjaan yang berbeza. Antaranya ialah mempunyai minat terhadap dunia pekerjaan sebagai seorang arkitek, ahli perniagaan dan jurusolek, yang juga dikenali sebagai mak andam dalam kalangan masyarakat Malaysia. Pilihan dan cita-cita terhadap dunia pekerjaan ini disebabkan informan mempunyai rasa minat yang mendalam dan mempunyai kemahiran terhadap pilihan kerja tersebut. Selain itu, informan pelajar berpendapat bahawa mereka perlu mengutamakan pelajaran dan berusaha bersungguh-sungguh agar dapat meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dengan mengambil bidang yang bersesuaian dengan pilihan kerja mereka. Melalui pengetahuan dan kemahiran tertentu, sudah pasti hasrat dan impian mereka akan tercapai. Wan Hasmah et al. (2012), berpandangan bahawa kesedaran yang tinggi dalam bidang pendidikan akan mempengaruhi kadar penyertaan masyarakat Orang Asli dalam sektor pekerjaan. Kajian ini juga menyokong hasil dapatan yang dilakukan oleh Seow et al. (2015), yang menyatakan pelajar Orang Asli dari suku kaum Jakun ingin meningkatkan taraf hidup keluarga mereka ke arah yang lebih baik, selain berharap boleh berjaya menerusi pekerjaan yang diimpikan. Dalam pada itu, mempunyai kenalan atau ahli keluarga yang melanjutkan pelajaran ke universiti dan mendapat pekerjaan yang bagus juga boleh mempengaruhi pelajar dalam membina cita-cita yang diimpikan. Keadaan ini seterusnya boleh dijadikan sebagai perangsang dan semangat kepada mereka supaya turut bersama-sama berjaya dalam pelajaran dan memperoleh pekerjaan yang boleh membanggakan keluarga dan masyarakat kelak.

### *Penglibatan ibu bapa atau penjaga terhadap pendidikan dan penentuan pilihan kerjaya anak-anak*

Hasil kajian mendapati bahawa rata-rata informan ibu bapa atau penjaga pelajar Orang Asli menyatakan kesediaan mereka untuk memberikan peluang pendidikan kepada anak-anak. Tambah mereka lagi, memberikan pendidikan kepada anak-anak adalah keperluan asas pada masa sekarang, selain daripada menyediakan makanan dan tempat tinggal. Mereka menganggap pendidikan merupakan satu keperluan yang harus diberikan kepada anak-anak untuk membina kerjaya pada masa depan dan sekaligus

mampu mengubah kehidupan keluarga ke arah yang lebih baik. Hal ini dinyatakan oleh:

Informan 9:

“...Akak hantar anak ke sekolah tu sebab tak nak lah anak-anak jadi macam akak yang tak ada pelajaran ni. Pendapatan akak banyak tu atas usaha akak sendiri. Jadi kalau boleh biarlah anak-anak ni belajar tinggi sikit. Jangan jadi macam akak ni yang setakat sekolah rendah je”.

Hal ini jelas menggambarkan bahawa masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun di kawasan kajian telah menunjukkan sikap dan persepsi yang positif terhadap kepentingan pendidikan anak-anak. Dapatkan ini juga adalah selaras dengan kenyataan Wan Sofiah (2007), yang mana masyarakat Orang Asli pada hari ini mulai sedar tentang pendidikan dan pencapaian anak-anak mereka. Faktor jarak antara sekolah dengan rumah yang berhampiran juga memudahkan ibu bapa atau penjaga dalam menyekolahkan anak-anak. Ini seterusnya memudahkan mereka dalam urusan menghantar anak-anak ke sekolah dan mengambil pulang selepas tamat waktu persekolahan.

Selain itu, penulis mendapati bahawa kesemua informan ibu bapa dan penjaga memberikan sokongan dan dorongan kepada anak-anak mereka supaya melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Mereka merasakan bahawa dengan melanjutkan pelajaran sehingga ke universiti akan berpeluang untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik. Dapatkan kajian ini menyokong dapatkan kajian yang dijalankan oleh Ramle et al. (2013) yang menyatakan ibu bapa Orang Asli menganggap pendidikan sebagai satu elemen yang membolehkan anak-anak mereka mencapai kerjaya yang dicita-citakan. Apabila ditanya mengenai penglibatan ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak di rumah, terdapat informan bapa yang menyatakan beliau tidak mengambil tahu mengenai pelajaran anak disebabkan tidak berpelajaran tinggi dan tidak tahu bagaimana hendak mengajar atau membantu anak mengulang kaji di rumah. Misalnya:

Informan 12:

“...Saya tak belajar tinggi dulu. Jadi saya tak tahu nak ajar macam mana”.

Walau bagaimanapun, terdapat juga informan ibu bapa dan penjaga mengambil berat berkaitan dengan pendidikan anak-anak mereka, seperti sentiasa menasihati anak-anak supaya rajin pergi ke sekolah dan menyiapkan kerja sekolah yang diberikan oleh guru. Ini dinyatakan oleh:

Informan 9:

“...Macam anak akak ini memang kalau dia malas pergi sekolah memang akak marah lah. Pernah juga rasa nak simbah air kat muka dia sebab malas bangun tidur. Tapi bila nak simbah je, dia cepat-cepat masuk bilik air mandi dan bersiap pergi sekolah. Akak ni memang garang sikit dengan anak-anak kalau bab belajar ni”.

Ini menunjukkan ibu bapa mengambil inisiatif dengan bertindak tegas terhadap kesalahan yang dilakukan oleh anak-anak seperti ponteng sekolah, selain memberi dorongan agar mereka rajin menuntut ilmu di sekolah. Mengikut Kanammah et al.

(2015), perkembangan dan tabiat pembelajaran anak-anak adalah lebih baik apabila ibu bapa mereka terlibat secara aktif dan berterusan dalam pendidikan mereka sejak awal lagi iaitu peringkat sekolah rendah. Penyertaan aktif dan sokongan ibu bapa di peringkat ini akan dapat meningkatkan potensi pembelajaran anak-anak melalui penerusan kaedah pembelajaran tersebut di rumah. Terdapat juga dalam kalangan informan ibu bapa atau penjaga menyimpan wang simpanan atau membuat tabungan bagi tujuan pendidikan anak-anak supaya dapat menggalakkan anak-anak mereka pergi ke sekolah untuk menimba ilmu. Sepertimana yang diperkatakan oleh Johari dan Nazri (2006), aspek ekonomi ini merupakan asas yang paling penting bagi sesebuah keluarga. Keadaan ini jelas membuktikan bahawa masyarakat Orang Asli di kawasan ini semakin menitikberatkan soal pendidikan anak-anak mereka.

Bagi penentuan terhadap pilihan kerjaya anak-anak, kebanyakan informan ibu bapa menyatakan sokongan mereka terhadap apa jua bidang pekerjaan yang akan diceburi oleh anak-anak mereka pada masa depan. Menurut informan, mereka mengharapkan agar anak-anak berusaha dengan lebih gigih terutamanya dalam bidang akademik dan sentiasa mempunyai semangat untuk belajar menimba ilmu sekiranya ingin berjaya dalam hidup. Kesemua mereka bersetuju bahawa dengan melanjutkan pelajaran sehingga ke menara gading, anak-anak akan lebih berpeluang mencapai segala impian dan cita-cita yang dihajati. Kebanyakan informan juga mengharapkan agar anak-anak mereka tidak mengikut jejak langkah mereka dengan hanya melakukan pekerjaan kampung dengan pendapatan yang tidak seberapa, ibarat kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang. Ini dinyatakan oleh:

#### Informan 7:

“...Abang selalu cakap dekat anak-anak abang suruh belajar sungguh-sungguh. Jangan jadi macam ayah bawak lori sayur, keluar pagi balik petang. Kalau tak nak kerja macam ayah, kena belajar lepas itu cari kerja yang bagus-bagus, boleh bantu diri sendiri dan juga keluarga”.

Hal ini kerana mereka tidak mahu melihat anak-anak mereka hidup dalam kesusahan dan serba kekurangan apabila telah berkeluarga kelak. Oleh yang demikian, keadaan ini membuktikan bahawa masyarakat Orang Asli di kawasan kajian menunjukkan sikap yang positif, di mana mereka sentiasa mengharapkan anak-anak mendapatkan pekerjaan yang bagus apabila dewasa. Malah, keadaan ini juga secara tidak langsung boleh membanggakan keluarga serta masyarakat setempat (Wan Sofiah, 2007).

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, Orang Asli suku kaum Jakun telah mulai sedar akan kepentingan pendidikan pada hari ini. Ibu bapa atau penjaga telah menunjukkan sikap dan persepsi yang positif terhadap pelajaran anak-anak mereka walaupun terdapat segelintir daripada mereka yang tidak pernah bersekolah. Meskipun terdapat kajian lepas yang mengaitkan faktor kesempitan hidup Orang Asli dengan kegagalan mereka untuk mengutamakan pendidikan, namun ibu bapa atau penjaga kanak-kanak Orang Asli dalam kajian ini adalah berbeza kerana mereka tetap mementingkan pelajaran dan masa depan anak-anak dengan mendorong dan menghantar mereka ke sekolah. Dorongan ini diperkuatkan lagi dengan bantuan pengangkutan dan perlengkapan sekolah yang berhampiran dengan lokasi petempatan. Oleh itu, pelajar Orang Asli

daripada suku kaum Jakun di Rompin, Pahang dalam kajian ini telah dapat menyesuaikan diri dalam proses sosialisasi formal, iaitu, melalui proses pembelajaran di sekolah. Hal ini dibuktikan berdasarkan perubahan pandangan dan mentaliti mereka ke arah yang lebih positif terhadap dunia pendidikan dan juga impian dalam pemilihan pekerjaan. Justeru, pelbagai usaha perlu diperhebatkan lagi dengan melibatkan semua pihak termasuk ibu bapa, pihak kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) serta Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), mahupun pihak-pihak berkepentingan lain agar prestasi pelajaran anak-anak Orang Asli dapat dipertingkatkan. Faktor kejayaan segelintir anak-anak Orang Asli yang berjaya juga harus dijadikan tauladan dan dipraktikkan kepada semua pelajar bagi meningkatkan pencapaian pendidikan mereka. Oleh itu, usaha untuk memajukan Orang Asli dalam aspek pendidikan dapat dipertingkatkan lagi. Pendidikan awal yang sempurna, pastinya dapat menjamin peluang pekerjaan yang lebih bagus pada masa hadapan.

## Rujukan

- Abdul Razaq Ahmad & Zalizan Mohd Jelas. (2009). *Masyarakat Orang Asli: Perspektif pendidikan dan sosiobudaya*. Bangi, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Talib Bon, Md. Akbal Abdullah, Hussain Othman, Burhanuddin Mohd Salleh, Shariman Mustafa, Rathiah Hashim, Mohd Yusof Abdul Hadi, & Abdullah Sulaiman. (2003). *Kenali kami: Masyarakat Orang Asli di Malaysia*. Johor, Penerbit Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn.
- Airil Haimi Mohd Adnan & Muhammad Aizat Saad. (2010). Teaching English to the minority Orang Asli: A case of systematic disempowerment? Paper presented at the International Conference on Minority and Majority: Language, Cultures and Identity, Hilton Kuching Sarawak, 23-24 Julai.
- Amla Mohd Salleh. (2010). *Pendidikan kerjaya & pembangunan modal insan*. Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Creswell, J. W. (2008). *Educational research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research* (3rd edition). New Jersey, Pearson Merrill Prentice Hall.
- Doris Padmini Selvaratnam, Abdul Hamid Jaafar, Norlida Salleh, Redzuan Othman, & Siti Hajar Idris. (2012). Transformasi modal insan melalui peningkatan pendidikan: Kajian kes komuniti Orang Asli di Cameron Highlands, Pahang. *Prosiding Perkem VII, Jilid 2*, (pp. 1215-1224).
- Er Ah Choy, Zalina Ariffin, & Joy Jacqueline Pereira. (2010). Sosioekonomi masyarakat Orang Asli: Kajian kes di Hutan Simpan Bukit Lagong, Selangor. *Jurnal Melayu*, (5), 295-314.
- Gordon, C. E., & White, J. P. (2014). Indigenous educational attainment in Canada. *The International Indigenous Policy Journal*, 5 (3), 1-28.
- Hanapi Dollah. (2008). Komuniti Orang Jakun: Pemeringinan dan pembangunan. In Sarjit S. Gill, & Lee Yok Fee (Eds.). *Masyarakat dan kepelbagaiannya sosial di Malaysia*. Serdang, Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hartini Ahmad Rabuan. (2011). Faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran pelajar Orang Asli terhadap kerja amali mata pelajaran Kemahiran Hidup di tiga buah sekolah menengah dalam daerah Kluang, Johor (Masters dissertation). Universiti Teknologi Malaysia.

- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2016). Suku kaum/bangsa. Retrieved from:  
<http://www.jakoa.gov.my>.
- Johari Talib, & Nazri Muslim. (2006). Bagaimana kanak-kanak Orang Asli gagal di sekolah? *Jurnal Pengajaran Umum*, (8), 51-76.
- Juli Edo. (2006). Retorik pembangunan Orang Asli. In Mohd Fauzi Yacob *Malaysia menangani perubahan dan pembangunan*. Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya.
- Kanammah Manukaram, Melissa Ng Lee Yen Abdullah, & Shahizan Hasan. (2013). Pengaruh faktor keluarga terhadap pembelajaran regulasi kendiri murid sekolah rendah. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 10, 179-201.
- Ma'Rof Redzuan, & Sarjit S. Gill. (2008). *Orang Asli: Isu, transformasi & cabaran*. Serdang, Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mazdi Marzuki, Jabil Mapjabil, & Rosmiza Mohd Zainol. (2014). Mengupas keciciran pelajar Orang Asli di Malaysia: Suatu tinjauan ke dalam isu aksesibiliti sekolah. *Malaysian Journal of Society and Space*, 10 (2), 189-198.
- Mohamad Johdi Salleh, & Abdul Razak Ahmad. (2009). *Kesedaran pendidikan dalam kalangan masyarakat Orang Asli*. Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Johdi Salleh, Norul Khairiah Idris, Nur Awanis Aziz, Nurul Huda Yusuf, & Siti Aishah Hashim. (2009). Kajian terhadap kesedaran pendidikan di kalangan masyarakat Orang Asli. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Luar Bandar, Sekolah Pembangunan dan Pendidikan Sosial*, UMS Kota Kinabalu, 3-5 Februari.
- Mohd Fauzi Mohd Harun & Nor Aini Hj. Idris. (2009). *Pembangunan Masyarakat Orang Asli: Dilema Miskin dan Terpinggir*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UITM.
- Norazri Mohd Zaidin. (2015). Penerapan nilai-nilai murni dalam proses pengajaran dan pembelajaran ke arah pembentukan sahsiah pelajar di Kolej Kemahiran Tinggi Mara (Masters dissertation). Universiti Tun Hussein Onn.
- Norwaliza Abdul Wahab, Ramlee Mustapha, & Jasmi Abu Talib. (2016). Membangun modal insan Orang Asli: Kajian peranan dan penentuan matlamat pendidikan dalam kalangan ibu bapa masyarakat Orang Asli di Kuantan, Pahang. *Malaysian Journal of Society and Space*, 12 (3), 1-10.
- Pejabat Daerah dan Tanah Rompin. (2017). *Profail Pengenalan Pejabat Daerah dan Tanah Rompin*.
- Ramle Abdullah. (2010). Keciciran pendidikan murid Orang Asli: Kajian kes di Negeri Terengganu. *Prosiding Seminar Internasional Perbandingan Sistem Pendidikan Indonesia dan Malaysia*, Jun 2010.
- Ramle Abdullah, Wan Hasmah Wan Mamat, W. A. Amir Zal, & Asmawi Mohamad Ibrahim. (2013). Teaching and learning problems of the Orang Asli education: students perspective. *Asian Social Science*, 9 (12), 118-124.
- Seow Ta Wee, Maryati Mohamed, Mohd Nur Syufaat Jamiran, Zainal Zulhilmi Zainal Abidin, Siti Aminah Mohd Sam, & Shalini Sanmargaraja. (2015). Kajian awalan terhadap persekitaran masyarakat Orang Asli Jakun di Kampung Peta. *Prosiding Seminar Serantau Ke-2 Pengurusan Persekutaran di Alam Melayu*, (pp. 327-336).
- Siti Aminah Mohd Sam. (2015). Kajian amalan budaya Orang Asli suku kaum Jakun di Kampung Peta (Masters dissertation). Universiti Tun Hussein Onn.

- Siti Fatiemah Sa'at, & Jama'yah Zakaria. (2013). Masa depan cerita rakyat masyarakat Orang Asli Jakun. *International Journal of The Malay World and Civilisation*, 1 (1), 83-88.
- Siti Syazwani Abdul Mubin, Abdul Razaq Ahmad, Ramlee Abdullah & Ahamad Rahim. (2012). Faktor-faktor keciciran murid Orang Asli dalam pendidikan. *International Seminar on Educational Comparative in Competency Based Curriculum between Indonesia and Malaysia*.
- Wan Afizi Wan Hanafi, Shaharuddin Ahmad, & Noraziah Ali. (2014). Faktor budaya dan persekitaran dalam prestasi pendidikan anak Orang Asli Malaysia: Kajian kes di Kelantan. *Malaysian Journal of Society and Space*, 10 (5), 107-122.
- Wan Hasmah Wan Mamat, Abdul Razaq Ahmad, Ramlee Abdullah, & Ahmad Ali Seman. (2012). *Perspektif murid Orang Asli tentang sekolah dan pendidikan*. Kuala Lumpur, Universiti Malaya.
- Wan Sofiah Meor Osman. (2007). Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak kaum Penan: Kajian kes di Hilir Tinjar, Baram, Sarawak. Kertas Kerja Fakulti Sains Sosial. Kuching, Sarawak, Mei 2007.